

## Ng Zhen Fan Shankar dari UPSI Dinobat Tokoh Siswa Negara 2025

**Putrajaya, 1 Oktober** - Mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Ng Zhen Fan Shankar, mengharumkan nama universiti apabila dinobatkan sebagai Tokoh Siswa Negara 2025 pada Majlis Anugerah Tokoh Siswa Negara (ATSN) yang berlangsung di Hotel Marriott Putrajaya, malam tadi. Penganugerahan tertinggi itu disempurnakan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr. Zamby Abdul Kadir, yang menyerahkan hadiah berupa replika cek RM5,000, geran mobiliti, trofi dan sijil kepada Ng.

Berasal dari Klang, Selangor, Ng baru sahaja menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian di UPSI dan akan meneruskan pengajian ke peringkat sarjana (master) dalam bidang berkaitan.

Ng Zhen dikenali sebagai mahasiswa aktif dalam kepimpinan dan kesukarelawanan. Beliau pernah berkhidmat selama dua sidang sebagai Majlis Perwakilan Pelajar UPSI, memegang jawatan sebagai Bendahari Kehormat, selain turut dipilih sebagai Yang Dipertua Persatuan

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi UPSI. Kepimpinan beliau turut menyerlah di peringkat antarabangsa melalui aktiviti kesukarelawan dan penyertaan dalam pengucapan awam di luar negara.

Majlis berprestij anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) itu meraikan mahasiswa cemerlang melalui 13 kategori, merangkumi kelestarian, perpaduan, inklusif, khidmat komuniti, sukarelawan, inovasi, bicara siswa, sukan rekreasi, usahawan, seni warisan, kepimpinan serta dua kategori tertinggi iaitu Anugerah Sinergi Kepimpinan Siswa dan Anugerah Tokoh Siswa Negara. Selain Ng Zhen, seorang lagi mahasiswa UPSI, Abbas Ali Iftikhar Hussain, turut melakar kejayaan apabila menerima Anugerah Tokoh Kelestarian Siswa, sekali gus memperkuuh reputasi UPSI di pentas kebangsaan. Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr. Zamby Abdul Kadir berkata, penganuran program seumpama itu bukan sahaja merangsang bakat mahasiswa, malah mengiktiraf kepimpinan mereka di peringkat kampus. "Dengan adanya program seperti ini, kita memberi pengiktirafan kepada mereka dan saya yakin universiti, politeknik serta kolej komuniti akan terus menganjurkan program kepimpinan di kampus masing-masing.

"Di sitalah daya kepimpinan dapat dibina sekali gus menyerlahkan potensi mahasiswa dan mahasiswi," ujar beliau. Sementara itu, Naib Canselor UPSI, Prof Datuk Dr Md Amin Md Taff, menyifatkan kejayaan tersebut sebagai bukti kepimpinan mahasiswa UPSI terus menyerlah di peringkat nasional. "UPSI sentiasa menyediakan ruang untuk mahasiswa menggilap potensi diri melalui kepimpinan, kurikulum dan kesukarelawanan. Kejayaan ini menjadi inspirasi kepada seluruh warga kampus untuk terus menyumbang kepada masyarakat dan negara," ujarnya. Turut hadir, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Ts. Mustapha Sakmud; Ketua Setiausaha KPT, Datuk Dr. Aneese Ibrahim; dan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Datuk Prof Dr. Azlinda Azman.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



## UPSI perluas jangkauan antarabangsa melalui penganjuran Global Educator Award - Zambry

**Tanjong Malim, 4 Oktober** - Penganjuran Global Educator Award dan Great Teacher Summit oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) disifatkan sebagai langkah penting ke arah memperkuuh usaha pengantarabangsaan Institusi Pendidikan Tinggi negara, kata Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Diraja D. Zambry Abd Kadir.

Beliau berkata, inisiatif itu bukan sahaja mengangkat reputasi UPSI sebagai universiti pendidikan terulung di negara ini, malah berpotensi menempatkannya di peta dunia sebagai pusat rujukan dalam bidang pendidikan. "Saya nak sebutkan bahawa ini adalah satu usaha ke arah pengantarabangsaan institusi-institusi pendidikan tinggi kita. "UPSI dengan sejarah lebih 100 tahun sewajarnya mengambil peluang mengantarabangsakan nilainya," katanya pada sidang media selepas menghadiri majlis Global Educator Award and Great Teacher Summit di Dewan Tuanku Canselor UPSI. Zambry berkata, penganjuran julung kali anjuran

UPSI itu mendapat sambutan luar biasa dengan penglibatan pendidik dari lebih 50 negara, sekali gus menunjukkan pengiktirafan terhadap kepakaran universiti berkenaan.

Beliau berkata, kementeriannya juga akan meneliti bantuan yang boleh disalurkan bagi memperkasa program tersebut pada tahun hadapan termasuk menambah kategori baharu bagi setiap peringkat pendidikan. Zambry turut menyatakan komitmen Kementerian Pendidikan Tinggi untuk terus mempromosikan program berkenaan di peringkat global sebagai sebahagian usaha memastabatkan pendidikan tinggi Malaysia di persada dunia.

"Sebagai contoh, boleh diperluaskan daripada kategori pendidikan kanak-kanak, prasekolah, pendidikan rendah, menengah, tinggi hingga ke universiti. Jadi mulai tahun hadapan, UPSI akan lebih meriah dengan acara antarabangsa seperti ini," ujar beliau.

## UPSI Tawar Program Baharu Sarjana Muda Komunikasi (Pembangunan Kandungan) dengan Kepujian

**Tanjong Malim, 4 Oktober** - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) melalui Jabatan Komunikasi dan Media (JKOM), Fakulti Bahasa dan Komunikasi akan memperkenalkan program baharu iaitu Sarjana Muda Komunikasi (Pembangunan Kandungan) dengan Kepujian.


Program pengajian berkenaan memberi fokus kepada penciptaan, pengurusan dan penyampaian kandungan digital merentas pelbagai platform media.

Program berkenaan menggabungkan elemen kreatif,

kandungan berkualiti yang memenuhi keperluan industri media, pemasaran digital, pendidikan dan hiburan.

ia ditawarkan dalam dua mod pengajian iaitu konvensional dan industri (2u2i) yang berlangsung selama tujuh semester.

Melalui mod konvensional, pelajar akan mengikuti pelbagai kursus berkaitan komunikasi, media dan pembangunan kandungan, manakala mod industri (2u2i) memberi peluang pelajar mengikuti kursus bersama penyelia industri di organisasi terkemuka.



## Remaja Muallim Celik Ai, Hasil Kandungan Kreatif Penyelidik UPSI

Golongan remaja dari komuniti B40 dan anak yatim di daerah Muallim kini berpeluang mempelajari kemahiran baharu apabila Projek Pemindahan Ilmu (KTP) memperkenalkan Program Pembangunan Kandungan Kreatif Menggunakan Artificial Intelligence (AI). Program anjuran Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) bersama rakan kolaborasi ini memberi fokus kepada latihan penggunaan aplikasi berdasarkan AI seperti Canva (Mojo AI), Bing AI Image dan Copilot, khususnya untuk pelajar berusia 13 hingga 15 tahun.

Ketua Penyelidik, Dr Nor Farrah Saidin berkata, program ini bertujuan membuka minda remaja terhadap potensi AI dalam penghasilan kandungan kreatif, selain meningkatkan keyakinan dan kreativiti mereka. "Kita muahu melahirkan generasi muda celik teknologi yang bukan sahaja tahu menggunakan AI, malah mampu membina kandungan bermutu tinggi untuk masa depan," katanya.

Data selepas bengkel menunjukkan peningkatan

mendadak dalam tahap pengetahuan peserta, dengan kategori tinggi melonjak daripada 10 peratus kepada 40 peratus, manakala tahap rendah berkurang daripada 40 peratus kepada 10 peratus. Lebih membanggakan, 55 peratus peserta mencatatkan peningkatan ketara dari segi motivasi dan kreativiti.

Menurut Dr Nor Farrah, selain memberi impak besar kepada pelajar, program ini juga membantu mengurangkan jurang digital dalam kalangan masyarakat luar bandar. "Remaja dari komuniti B40 dan anak yatim wajar diberi peluang sama rata untuk mengakses teknologi semasa. Inilah matlamat utama projek ini," jelasnya lagi. Impak positif turut dirasai di peringkat organisasi, apabila program ini meningkatkan keyakinan pihak luar untuk berkolaborasi dengan pakar dari UPSI, sekali gus memperkuuh jaringan kerjasama dengan pertubuhan komuniti seperti NADI. Malah, ia berpotensi menyumbang kepada pengurangan kadar pengangguran graduan apabila pelajar dan siswazah yang dilatih

mampu mempraktikkan ilmu dalam dunia sebenar.

Bagaimanapun, masih terdapat 10 hingga 15 peratus peserta yang memerlukan bimbingan tambahan. Justeru, pengendali projek menekankan keperluan modul lanjut serta sesi susulan yang lebih bersifat peribadi bagi memastikan manfaat jangka panjang. Secara keseluruhan, projek ini berjaya mencapai objektifnya – membimbing remaja komuniti Muallim menjadi celik AI, berkeyakinan tinggi dan kreatif dalam menghasilkan kandungan digital. Malah, ia menjadi langkah penting dalam memperkasakan masyarakat kurang bernasib baik, agar lebih bersedia menghadapi cabaran era digital.

- Penyelidik :
- Dr. Nor Farrah Saidin (Ketua) - FKMT
  - Dr. Ummu Husna binti Azizan - FKMT
  - Dr. Norshahila binti Ibrahim - FKMT
  - Dr. Erni Marlina binti Saari - FKMT
  - Puan Nurhidayah binti Shuhaimi - NADI TG Malim
  - Sdri. Siti Nurfarliana binti Mohd Yusof - Siswazah Pelatih



**Fadhlina Lawat NCDRC UPSI, Tinjau Pelaksanaan Pendidikan Awal Berasaskan Penyelidikan**



**Bengkel Edutourism 2025: UPSI Daftarkan 22 Pakej Edutourism Berimpak Tinggi ke KPT**



**Naib Canselor Titip 10 Pesanan kepada Pelajar Baharu UPSI**



**Lawatan Delegasi Antarabangsa: Perkongsian Amalan Terbaik Pendidikan di Sekolah Rendah Seri Budiman**